

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

TARIKH : 23 MEI 2016

SOALAN :

**YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta PERDANA
MENTERI menyatakan skala gaji terendah sehingga tertinggi mengikut
jawatan bagi kakitangan polis, tentera dan bomba.**

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini skala gaji terendah dan tertinggi bagi Kumpulan Pelaksana (Gred 17 – 38 atau setara) dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54 atau setara) anggota perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Bomba adalah berdasarkan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) seperti berikut:

PERKHIDMATAN	GRED	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
ATM	ZA26	6,701.00	12,304.00
	ZA1	1,137.00	3,366.00
PDRM	YA24	6,634.00	12,268.00
	YA1	1,014.00	3,517.00
BOMBA	KB54	5,882.00	11,900.00
	KB19	936.00	3,424.00

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selaras dengan rasionalisasi skim perkhidmatan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, Kerajaan bersetuju menetapkan Gaji Permulaan Terendah (GPT) pada kadar RM1,200.00 sebulan dalam Perkhidmatan Awam. Dalam hal ini, gaji perkhidmatan ATM, PDRM dan Bomba turut diselaraskan mengikut relativiti gaji dalam Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.